

## Fasa Dasar Luar Turki: Satu Kajian di Timur Laut Afrika Sejak 1523M

### Turkish Foreign Policy: A Study in Northeast Africa Since 1523AD

MUHAMMAD FAUZAN ROSLI  
ERMY AZZIATY ROZALI

#### ABSTRAK

*Dasar luar Republik Turki di Afrika semakin pragmatis sejak 2005. Pencapaian kerajaan Turki di wilayah timur laut Afrika walau bagaimanapun, adalah rentetan hubungan lampau yang dirintis oleh daulah ‘Uthmaniyyah semenjak kurun ke-16M. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti peranan dan hubungan sejarah ‘Uthmaniyyah dengan dasar luar kerajaan Turki. Kajian kualitatif ini dijalankan melalui kaedah kepustakaan serta berpandukan sumber-sumber berautoriti terutama daripada pihak kerajaan Turki. Maklumat yang diperolehi dianalisis bagi melihat persamaan, dibuat perbandingan serta menghasilkan interpretasi terhadap faktor yang menggerakkan dasar luar tersebut pada setiap fasa. Kajian mendapati, hubungan ‘Uthmaniyyah dan dasar luar Turki di timur laut Afrika telah melalui tiga tempoh fasa jatuh dan bangun. Fasa pertama tercetus atas pengaruh individu dalam dasar luar ‘Uthmaniyyah dengan perluasan wilayah serta menguasai laluan perdagangan. Setelah itu, berkembang kepada fasa organisasi separa-tersusun yang pada awalnya memberi perhatian kepada dasar perluasan kuasa dan asimilasi tersusun oleh Khedive Mesir; bertukar kepada kerjasama ekonomi dan kebudayaan sepanjang dekad 1950-an hingga 2000-an. Ketika fasa organisasi tersusun berlaku simbiosis antara agensi kerajaan dengan agensi bukan kerajaan (NGO) yang merangkumi kesatuan ekonomi dan kemanusiaan, menyaksikan keberkesanan dasar luar Turki yang semakin matang.*

*Kata kunci:* Dasar luar Turki; timur laut Afrika; pengaruh individu; organisasi tersusun; agensi bukan kerajaan (NGO)

#### ABSTRACT

*Since 2005 Turkish foreign policy in Africa becoming more pragmatic. Turkey's achievement in northeast Africa, however, had pioneered by their predecessor, the Ottoman dated back to the 16th century. Therefore, the objective of this article is to identify the features of each phases and Turkey roles in the said region. This qualitative study is carried out through literature refers mostly on authority sources mainly from the Turkish government. The collected information analyzed to obtain similarities, make comparisons and produce interpretations on the factors that are driving the policy in every phases. Study found that Ottoman relation and Turkey's foreign policy in the northeast Africa had undergone three up and down phases. First phase involved the individuals' influences on the Ottoman foreign policies carried by the territory expansion and controlling the trade route. It develop into the semi-structured organization phase as the beginning focused on the power expansion and organized assimilation by the Khedive as well as the economic and cultural co-operation throughout the year of 1950-2000. On structured organizational phase, symbiosis merges between government agencies and non-government organization (NGO) likewise economic and humanitarian society shows the implication of the matured Turkish foreign policies.*

*Keywords:* Turkish foreign policy; northeastern Africa; individual influence; structured organization; non-government organization (NGO)

#### PENGENALAN

Pembukaan kedutaan serta markaz tentera milik kerajaan Turki di Somalia pada September 2017, membawa suatu dimensi baru terhadap persepsi dasar luar Turki di Afrika (Reuters 30 September 2017). Rentetan daripada peristiwa tersebut, Turki memajak Pulau Suakin daripada kerajaan Sudan selama 40 tahun. Ini menimbulkan kegelisahan kepada kuasa serantau terutama Mesir dan Arab

Saudi yang berpendapat ianya adalah langkah ketenteraan di Laut Merah, namun dinafikan secara keras oleh Sudan (Anadolu Agency 28 Disember 2017). Pemajakan itu sangat berkait rapat dengan sejarah lampau ‘Uthmaniyyah sebagai pemaju pulau berkenaan setelah mengambil alih daripada Mamalik. Begitu juga dengan respons kuasa serantau seperti Mesir dan Arab Saudi, kerana mengetahui sejarah ‘Uthmaniyyah di Laut Merah bakal memberi peluang kepada Turki meraih dokongan masyarakat

& pemimpin timur laut Afrika. Turki didapati mahu meluaskan horizon *soft power* yang sudah bertapak di rantau Semenanjung Somalia dengan mendekati wilayah timur laut Afrika seperti Ethiopia dan Sudan (Insel 2013; Turker & Konakli 2016). Tulisan ini adalah hasil kajian yang telah dilaksanakan melalui analisis kandungan dan analisis dokumen seperti laporan-laporan rasmi agensi kerajaan dan NGO yang terlibat secara langsung di timur laut Afrika yang diperoleh daripada sumber-sumber berautoriti daripada pihak kerajaan Turki. Tumpuan perbahasan adalah kepada melihat ciri-ciri persamaan atau perbezaan berasaskan maklumat yang dikenal pasti. Setelah itu interpretasi dibentuk terhadap faktor yang menggerakkan dasar luar pada setiap fasa. Secara umum, analisa dapatan kajian mendapati, dasar luar Turki di timur laut Afrika dapat dikategorikan kepada tiga fasa perkembangan, iaitu fasa pengaruh individu, fasa organisasi separa-tersusun serta fasa organisasi tersusun.

### FASA PENGARUH INDIVIDU

Dasar luar sangat berkait rapat dengan situasi politik dalaman sesebuah negara. Melalui pendekatan Mustafa Kemal Ataturk iaitu *peace at home, peace at world*, Turki tidak melibatkan diri secara serius dengan jiran tetangga mereka apatah lagi dengan benua Afrika. Politik bipolar yang melanda dunia sewaktu Perang Dingin berlaku, Turki memilih menyokong Barat dalam menghadapi gelombang komunisme. Tamat Perang Dingin pada penghujung dekat 80-an, dasar luar Turki menjadi semakin terbuka. Sepanjang sejarah, dasar luar Republik Turki sering dipengaruhi oleh beberapa negarawan iaitu Mustafa Kemal, Turgut Ozal dan Recep Tayyip Erdogan. Keadaan ini kemudian bertukar kepada organisasi yang lebih tersusun (Oktem 2011). Pengaruh individu juga didapati berlaku ketika era ‘Uthmaniyyah terutama dalam perlaksanaan ‘Polisi Selatan’ di Laut Merah (Farouqi 1999). Pada abad ke-16M, polisi ini merupakan dasar luar yang digerakkan terhadap wilayah selatan ‘Uthmaniyyah iaitu di sepanjang Laut Merah yang merangkumi wilayah timur laut Afrika, persisir pantai Jazirah Arab, persisir pantai Yaman serta Teluk Parsi (Palmira 1994). Polisi ini tercetus setelah Sultan Selim I menguasai wilayah daulah Mamalik pada 1515M dan bermula pada zaman Sultan Suleyman al-Qanuni. Kelemahan polisi pada fasa pertama ini adalah, setelah individu yang terbabit tiada sama ada kehilangan kuasa maupun mati, projek-projek

tersebut akan terabai serta tidak diberi perhatian. Keadaan merugikan ini perlu diambil perhatian oleh para penggubal polisi luar oleh kerana projek-projek mega yang digerakkan atas faktor cita-cita peribadi, bakal menyebabkan sumber negara berkurangan. Negara juga semakin lemah jika disusuli dengan tindakan yang agresif menghasilkan ramai musuh ataupun hutang negara meningkat akibat pelaburan yang besar dalam projek-projek mega. Proses mengumpul maklumat dan persediaan yang rapi perlu dijalankan sebelum perlaksanaan projek dasar luar (Smith, Hadfield & Dunne 2008).

### IBRAHIM PASHA (1523-1536M)

*Sadr A'zam* (setaraf dengan Bendahara) Ibrahim Pasha merupakan salah seorang penggerak terawal dalam ‘Polisi Selatan’ ‘Uthmaniyyah. Beliau adalah penaung projek-projek ilmiah terutama dalam bidang geografi dan kartografi. Selain itu, beliau juga mempunyai rangkaian pengintipan yang efektif apabila berjaya memiliki salinan peta dunia yang lengkap, milik simpanan sulit Istana Sepanyol. Peta itu mengandungi peta-peta kontemporari hasil catatan Magellan, seorang pengembara terkenal Sepanyol. Peta itu turut merangkumi peta Hemisfera Barat, Afrika Timur dan juga Asia Tenggara, yang menjadi rujukan para pelayar ‘Uthmaniyyah pada kemudian hari (Casale 2010). Oleh itu, Ibrahim Pasha mengetahui kepentingan Laut Merah dan peranan strategik wilayah persisir pantai timur laut Afrika dalam menjayakan ‘Polisi Selatan’ ‘Uthmaniyyah (M. Fauzan & Ermy 2018). Setelah berjaya menguasai semula Mesir daripada *Beglerbeglik* Ahmad Pasha yang memberontak pada 1524M, Ibrahim Pasha merombak kembali pentadbiran, undang-undang dan juga sistem percuakaian di Mesir. Atas restu Sultan Suleyman al-Qanuni, Ibrahim Pasha memperkenalkan undang-undang baru yang dikenali sebagai *Kanunname-i Misir* yang menghapuskan sistem percuakaian Mamalik. Demi memastikan rasuah tidak berlaku, beliau melantik pegawai khas pada setiap pelabuhan seperti di Iskandariah, Kaherah, Suakin dan Jeddah yang dikenali sebagai *emin* (Casale 2010).

### SELMAN RE'IS

Selman Re'is adalah pegawai tentera terawal yang melibatkan diri secara langsung di Laut Merah dan menjadi wira setelah mempertahankan al-Haramayn

daripada serangan Portugis di Jeddah pada 1515M. Oleh kerana tidak mendapat kebenaran Sultan Selim I pada ketika itu, beliau dipenjarakan sehingga dibebaskan pada 1520M setelah kemangkatan baginda. Beliau kembali berkhidmat sebagai pelayar upahan di Yaman sebelum bertemu dengan Ibrahim Pasha di Mesir pada 1524M (Casale 2010). Ibrahim Pasha menghantar Selman Re'is ke Jeddah bagi mengumpulkan maklumat mengenai bekas kapal-kapal perang milik daulah Mamalik di sana. Pada tahun 1525M, Selman Re'is melaporkan mengenai Suakin, sebuah pelabuhan yang menyaingi Jeddah dalam perdagangan di Laut Merah. Hasil dagangan di Suakin tidak dihantar kepada sultan di Istanbul namun diserahkan kepada Syarif Mekah. Malah para pedagang India memilih Suakin bagi mengelak daripada membayar cukai (Peacock 2012). Melalui maklumat yang dikumpul oleh Selman Re'is juga, 'Uthmaniyyah menyusun sebuah angkatan perang dengan hasrat bagi menakluki Nubia yang dikuasai Bani Funj. Disebabkan maklumat tersebut tidak terperinci, 'Uthmaniyyah sukar menguasai Nubia dan hanya menawan Suakin sekitar 1527M, lalu memberi fokus kepada pembukaan wilayah Yaman (Peacock 2012). Selman Re'is tiba di Zabid pada 1526M bersama-sama Huseyn Bey (al-Rūmī). Penguasa Aden menolak ketibaan armada 'Uthmaniyyah menyebabkan Selman Re'is membina pangkalan tentera dan pusat kutipan cukai di Pulau Karaman, Laut Merah. Buat pertama kalinya 'Uthmaniyyah mengawal kedua-dua arah pintu masuk Laut Merah (Casale 2010). Namun misi 'Uthmaniyyah di Yaman ini tergendala kerana perselisihan antara Huseyn Bey dengan Selman Re'is hingga beliau terbunuh. Kesannya, wilayah Yaman kembali kucar kacir dan memberi peluang kepada Portugis bagi menewaskan mereka di sana. Sebanyak 20 buah kapal milik 'Uthmaniyyah ditawan di pulau Karaman dan pelabuhan Zeila di pantai Somali musnah dibakar (Casale 2010, Ozbaran 2013).

#### HADIM SULEYMAN PASHA (1525-1544M)

Hadim Suleyman Pasha adalah *beglerbeg* Mesir yang bertanggungjawab menguasai wilayah utara al-Sa'id. Beliau juga membaik pulih pelabuhan Suez pada 1529M. Dalam perperangan dengan Safawiyyah, pasukan pimpinan Hadim Suleyman Pasha menawan Baghdad (1534M) dan Basra (1535M). Rekod baik tersebut memberikan beliau kedudukan yang tinggi di sisi Sultan Suleyman al-Qanuni, membolehkannya

membina armada laut yang besar di Laut Merah (Casale 2010). Sedekad setelah kematian Selman Re'is, *sancak* Aden diasaskan oleh Hadim Suleyman Pasha pada 1538M ketika dalam perjalanan ke Gujarat bagi menentang armada Portugis di Lautan Hindi. Beliau menguasai kota pelabuhan penting Yaman itu setelah Amir ibn Dawud terbunuh. Dalam perjalanan pulang dari Gujarat, Hadim Suleyman Pasha menawan Zabid, lalu membentuk sebuah *sancak* di sana. Hadim Suleyman Pasha menyatukan kesemua *sancak* tersebut ke dalam satu unit, iaitu *eyalet* Yaman pada 1538M (Blackburn 1995, Ozbaran 2013). Selain daripada kekayaan Yaman, objektif 'Uthmaniyyah di sana juga bagi menjamin keselamatan perdagangan dan perjalanan haji di laluan Laut Merah. Kelemahan kesultanan Mamalik berpunca daripada kemerosotan perdagangan mereka di Laut Merah pada hujung kurun ke-15M, ekoran ancaman Portugis yang berterusan. Walau bagaimanapun penguasaan terhadap Aden dan Zabid tidak mengurangkan ancaman Portugis. Pada 1541M, armada Portugis menjarah Suakin dan memusnahkan pelabuhan Qusayr, namun gagal menghancurkan Suez kerana pertahanan pantai yang kuat (Casale 2010). Hadim Suleyman Pasha juga mengambil kesempatan tersebut membuat serangan balas dengan mengirim pasukan 'Uthmaniyyah ke 'Adal sambil membantu pasukan Muslim Ethiopia yang dipimpin oleh Ahmad Gran (M. Fauzan R. & Ermy A.R. 2018).

Hadim Suleyman Pasha dilantik sebagai *sadr a'zam* pada 1541M. Penguasaan laluan Laut Merah mendesak Portugis membuka meja rundingan dengan 'Uthmaniyyah. Portugis menawarkan kerjasama dalam memonopoli perdagangan rempah dengan balasan pedagang Portugis dibenarkan singgah di pelabuhan Laut Merah. 'Uthmaniyyah bersetuju dengan semua syarat jika rempah diimport melalui kapal pedagang Islam serta hak mereka untuk berdagang dengan aman di sepanjang laluan Lautan Hindi. Keadaan ini membuka lembaran baru terhadap perdagangan rempah yang selama ini tidak diberi fokus oleh kerajaan 'Uthmaniyyah (Casale 2010). Hadim Suleyman Pasha digugurkan daripada jawatan akibat skandal rasuah yang dilemparkan oleh pesaingnya menjadikan Polisi Selatan 'Uthmaniyyah dipinggirkan. Hal ini kerana, *sadr a'zam* selepas beliau iaitu Rustem Pasha (1544-54M, 1556-61M) skeptikal terhadap pedagang asing terutamanya para pedagang Kristian lantas memberi kesan terhadap pelabuhan antarabangsa seperti di Mesir, Syam dan Basra. Sekalipun berlaku perubahan pucuk pimpinan kepada Kara Ahmad Pasha (1553-54M, 1555-56M)

dan Semiz Ali Pasha (1561-65M), namun usaha menggerakkan semula Polisi Selatan ‘Uthmaniyyah tidak berlaku (Casale 2010).

### OZDEMIR PASHA

‘Uthmaniyyah memerlukan 40 tahun bagi menempatkan dirinya sebagai kuasa serantau di Laut Merah setelah menguasai Mesir. Mengambil kesempatan perubahan politik di Istanbul, Ozdemir Pasha bekas *beglerbeg* Yaman yang rapat dengan Sultan Suleyman al-Qanuni, telah menubuhkan *eyalet* Habesa pada 1555M. Keadaan ini memberi asas kepada pembukaan wilayah Nubia dan Pendalaman Nil yang gagal dikuasai melalui Sungai Nil (Menage 1988). Pentadbiran Habesa merangkumi kedua-dua belah tebing Laut Merah iaitu pelabuhan-pelabuhan utama seperti Jeddah, Suakin dan Massawa (Peacock 2012). Pada 1557M, Ozdemir Pasha menawan Massawa, Arkiko (Harqiqo) dan Zeila daripada arah laut. Setelah Debora dikuasai, pengaruh ‘Uthmaniyyah menembusi wilayah dataran Ethiopia. Melalui Ozdemir Pasha usaha perluasan ‘Uthmaniyyah ke wilayah pendalaman Nil dan Sudan mendapat perhatian yang serius. Kewujudan akses laluan Laut Merah yang berada di bawah penguasaan ‘Uthmaniyyah, Ozdemir Pasha menggunakan sumber ketenteraan yang terhad dalam mengemudi pentadbiran Habesa yang dikelilingi oleh musuh yang agresif daripada pelbagai arah. Bani Funj daripada Barat, Kristian Ethiopia daripada selatan dan Portugis daripada Lautan Hindi (Peacock 2012).

Dalam Polisi Selatan ‘Uthmaniyyah, Habesa merupakan sebuah pangkalan terpenting ‘Uthmaniyyah setelah Mesir di Laut Merah. Sumber pendapatan dari Yaman dan Mesir disalurkan ke *eyalet* ini bagi mengekalkan pertahanannya (Blackburn 1995). Melalui Habesa juga, ‘Uthmaniyyah membentuk jaringan komunikasi dengan komuniti tempatan terutama Muslim timur laut Afrika. Usaha dakwah yang selama ini terhad di persisir pantai Laut Merah menerobos ke Dataran Tinggi Ethiopia yang dikuasai majoriti Kristian. Status lawan dan kawan sering bertukar-tukar antara ‘Uthmaniyyah dengan kerajaan Kristian Ethiopia, membentuk demografi baru pada dekat seterusnya (M. Fauzan & Ermy 2018).

### SOKOLLU MEHMED PASHA (1565-1579M)

Polisi Selatan ‘Uthmaniyyah mencapai kemuncak pada era *Sadr A'zam* Sokollu Mehmed Pasha.

Sokollu Mehmed Pasha telah berkhidmat kepada tiga orang sultan iaitu, Sultan Suleyman al-Qanuni, Sultan Selim II dan juga Sultan Murad II. Prestasi terbaik Sokollu Mehmed Pasha adalah membina hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan Islam yang terdapat di laluan laut antara Mesir dan China. Duta-duta ‘Uthmaniyyah telah dihantar menemui Sultan Gujerat dan Sultan Aceh (Casale 2010). Sekitar dekad 1560-an, ‘Uthmaniyyah memperkenalkan sistem laluan jemaah haji yang sistematik. Jemaah haji yang tiba di Teluk Parsi tidak dibenarkan merentas gurun Arab untuk ke Mekah tetapi perlu singgah di Damsyik terlebih dahulu. Manakala, umat Islam yang menggunakan laluan Lautan Hindi pula hanya boleh sampai ke Mekah setelah menunggu perubahan angin monsun. Oleh itu, persinggahan jemaah haji di pelabuhan Yaman dan Jeddah selama berbulan-bulan membawa kepada kemakmuran perdagangan di Laut Merah terhadap kedua-dua pihak (Casale 2010). Sokollu Mehmed Pasha mengaplikasi teknik *staple-right* di Laut Merah. Melalui teknik ini, setiap kapal dagang perlu singgah dan mempamerkan barang dagangan masing-masing di setiap pelabuhan selama 3 hari untuk dijual (Casale 2006). Beliau juga mengamalkan dasar monopoli perdagangan rempah di Laut Merah. Kapal-kapal dagang rempah ratus milik kerajaan tidak perlu membayar cukai sepanjang melalui Laut Merah, menghasilkan keuntungan berlipat kali ganda kepada kewangan negara. ‘Uthmaniyyah mampu melakukan demikian setelah menguasai seluruh pelabuhan di Laut Merah (Casale 2010). Usaha yang dilaksanakan oleh Sokollu Mehmed Pasha terjejas setelah pembunuhan beliau pada 1579M oleh seteru politiknya. Serentak dengan pembunuhan beliau, pelabuhan Arkiko ditawan oleh Ethiopia dalam Perang Addi Quarro (Ozbaran 2013). Manakala pelabuhan Mocha di pantai barat Yaman dikuasai kumpulan Zaydiyyah. Manakala Sultan Aceh, ’Ala al-Din Riayat Syah, sekutu rapat ‘Uthmaniyyah di Asia Tenggara mangkat. Di Eropah, Raja Philip II dari Sepanyol berusaha mengambil alih takhta Portugal dan seluruh wilayah jajahannya di Lautan Hindi setelah terbunuuhnya Dom Sebastiao, pewaris tunggal Portugal dalam Peperangan al-Kasr al-Kabir di Maghribi (Casale 2010).

### KOJA SINAN (1580-1582M)

Setelah itu, Koja Sinan dilantik sebagai *sadr a'zam*, meneruskan usaha Sokollu Mehmed Pasha. Pada 1581M, ‘Uthmaniyyah menguasai semula

wilayah yang jatuh ke tangan kerajaan Ethiopia. Koja Sinan mengarahkan pembinaan 7 buah kubu ibarat rantai pertahanan daripada Suakin hingga ke Massawa demi menguatkan pertahanan Laut Merah. Beliau juga mengirim frotila pimpinan Mir Ali Bey menggempur kubu Portugis di Muscat dan Mombassa. Kisah pelayaran Mir Ali Bey ke Mombassa yang terkenal itu direkod dalam pelbagai catatan pelayar Barat (Casale 2010). Koja Sinan bijak mengambil peluang sentimen anti-Sepanyol dikalangan gabenor Portugis kerana keinginan Raja Philip II yang mahu menguasai takhta Portugal. Beliau menghantar utusan ke India bagi menawarkan perjanjian berkaitan perdagangan dan keamanan di rantau Teluk Parsi dan Laut Merah dengan tujuan untuk membina pakatan dengan Portugis di India untuk menentang Sepanyol tetapi ditolak. Secara sulit juga, Koja Sinan mengirim utusan ke Mumbai, mengajak Akbar Shah daripada kesultanan Mughal berdamai dan bersama-sama berganding bahu berjihad menentang pengaruh Hasburgh dan sekutunya di Lautan Hindi. Walau bagaimanapun, Koja Sinan tidak sempat menuai hasil atas usahanya itu setelah disingkirkan oleh pesaing politik (Casale 2010). Fasa pertama ini menyaksikan dasar luar ‘Uthmaniyyah di Laut Merah iaitu Polisi Selatan dicorakkan oleh beberapa individu yang berpengaruh di dalam daulah. Oleh kerana wilayah Laut Merah dan persisir pantainya jauh daripada pusat pentadbiran di Istanbul, pembangunan wilayah tersebut sangat berkait rapat dengan cita-cita individu serta kekuatan politik domestik dengan sultan dan juga pembesar di Istanbul. Lantaran itu, dasar luar ‘Uthmaniyyah pada fasa ini sangat rapuh dan tidak stabil sehingga memerlukan puluhan tahun bagi menempatkan pengaruhnya di rantau tersebut.

#### FASA ORGANISASI SEPARA-TERSUSUN

Kebangkitan Zaydiyyah pada 1626M serta kejatuhan Yaman kepada kumpulan pemberontak pada pertengahan 1630-an memberi pukulan terhadap Polisi Selatan. ‘Uthmaniyyah yang berada dalam posisi pertahanan dalam perperangan dengan Safawiyyah, menyaksikan kehilangan Baghdad pada 1623M hingga 1638M (Casale 2010). Dasar luar ‘Uthmaniyyah di Laut Merah mengalami beberapa abad ketepuan, mendapat perhatian semula pada awal kurun ke-19M. Zaman pemerintahan dinasti Mehmed Ali Pasha menandakan permulaan awal kepada fasa organisasi separa-tersusun, iaitu fasa kedua yang digariskan dalam kajian ini. Perbezaan dinasti

Mehmed Ali dengan pemerintah sebelum itu adalah mereka berkuasa secara autonomi. Pembangunan ekonomi, pembinaan infrastruktur, isu keselamatan dan ketenteraan ditentukan sendiri oleh kerajaan Mesir era Mehmed Ali Pasha dan keluarga. Mesir dan Sudan dikuasai sepenuhnya oleh British menjelang akhir kurun ke-19M, sebelum keruntuhan daulah ‘Uthmaniyyah pada 1924M. Fasa ini juga merangkumi dekad-dekad awal kerajaan Republik Turki sehingga ke akhir millennium kedua, yang memiliki dasar luar yang pasif terhadap wilayah di timur laut Afrika. Setelah bertukar pemerintah, kerajaan Turki menyusun semula hubungan diplomatik dengan wilayah berkenaan, namun dalam separa-tersusun yang mengalami segala kekurangan dalam fasiliti, kepakaran serta kewangan.

#### MEHMED ALI PASHA DAN KHEDIVE MESIR

Setelah Perancis diusir keluar dari Mesir pada 1801M, Mehmed Ali Pasha mengisyiharkan diri sebagai pemerintah Mesir. Kelompok Mamluk pula dihapuskan dalam Peristiwa Kaherah pada 1811M. Bagi memenuhi hajat Sultan Mahmud II, beliau menghantar pasukannya menewaskan gerakan Wahabi di Hijaz. Kemenangan itu juga mengangkat prestij Mehmed Ali Pasha di mata umat Islam (Ibrahim 1998). Pada 1819M, Imam Sana'a meminta bantuan Mehmed Ali Pasha bagi melindungi wilayahnya daripada ancaman gerakan Wahabi. Setelah kematian Imam Sana'a pada 1833M, Yaman kembali kepada keadaan huru-hara dan perperangan saudara meletus. Beliau mengambil peluang tersebut menggerakkan pasukannya menguasai Mocha tanpa menghiraukan kedudukan British di rantau tersebut. Pada penghujung 1838M, seluruh pelabuhan Laut Merah terletak di bawah penguasaan Mesir. Beliau menubuhkan Jabatan Kopi untuk memonopoli perdagangan serta penghasilan kopi di al-Hudaydah (Hodeida) (Ibrahim 1998).

Setelah itu, Mesir menguasai Hulu Nubia dan Kordofan daripada kesultanan Sinnar yang gagal dilakukan oleh pemimpin ‘Uthmaniyyah sebelumnya. Manakala Kesultanan Darfur turut digempur lebih 50 tahun bermula sejak 1821M kerana mendapat tentangan yang hebat oleh pemerintahnya. Pada 1843M, Mesir menguasai wilayah al-Taka, Kassala, Massawa dan Suakin di Ethiopia. Beliau mendesak Istanbul membenarkan Mesir memajak pelabuhan-pelabuhan tersebut. Namun akibat tekanan daripada British, pajakan itu dibatalkan pada 1846M (Ibrahim 1998). Ibrahim (1998) mengatakan, Mehmed Ali

Pasha mengalah perhatiannya kepada Yaman setelah misi menguasai Istanbul sekitar 1833 dan 1840 digagalkan oleh kuasa Barat. Kenyataan ini disokong oleh Hartmann (2013). Setelah gagal di Syam dan juga Yaman, Mehmed Ali Pasha memberi perhatian pula kepada perluasan wilayah di timur laut Afrika yang bermula sejak 1820M lagi. Beliau membawa masuk pakar strategi ketenteraan daripada Eropah dalam usaha membangunkan kekuatan tentera moden di Mesir. Melalui teknologi persenjataan dan sekolah ketenteraan ala Eropah, Mesir memiliki pasukan tentera yang canggih, berdisiplin dan kuat berbanding pasukan sultan di Istanbul (Ibrahim 1998).

Setelah kematian Mehmed Ali Pasha pada 1847M, usaha pembukaan wilayah Nubia diteruskan oleh pewaris beliau. Hingga ke hari ini, dalam kebudayaan Sudan mengenali pemerintahan keluarga beliau sebagai *Turkiyya* (Alexander 2009). Sultan terakhir Sinnar, Idris 'Adlan dilantik sebagai syaikh Bani Funj bagi mentadbir wilayah Hulu Nubia setelah beliau memberi taat setia kepada Mesir (Jedrej 2000). Ismail Pasha (1863-79) menyandang gelaran Khedive yang diberikan oleh Istanbul memperoleh hak memajak pelabuhan Suakin dan Massawa pada 1865M. Pada 1874M, Mesir menawan Harar daripada Ethiopia dan pada tahun yang sama di sebelah selatan Nil, General Gordon berjaya membuka wilayah Equatoria di Lembah Tasik Afrika, Afrika Tengah (Alexander 2009). Penguasaan Mesir ke atas wilayah timur laut Afrika diperkuuhkan lagi dengan sokongan kelompok tarekat sufi seperti tarekat al-Khatmiyyah. Pemimpin al-Khatmiyyah iaitu 'Uthman al-Mirgani diberi kepercayaan penuh oleh kerajaan Khedive bagi menguruskan hal ehwal keagamaan malahan dilantik sebagai *Naib* di Massawa. Selain itu juga, walaupun dianggap sekular oleh sesetengah pemimpin sufi di timur laut Afrika, namun persamaan mazhab pemerintah Mesir iaitu Syafie berbanding bermazhab Hanafi oleh penguasa 'Uthmaniyyah membolehkan pemerintahan Mesir mendapat sokongan akar umbi (Ibrahim 1998). Pada 1889M, Mesir diletakkan dibawah naungan British sebagai wilayah *protectorate* dan Khedive hanyalah lambang semata-mata. Manakala Sudan pula, dikuasai oleh British setelah menewaskan kerajaan al-Mahdiyyah. Kedua-dua wilayah disatukan dalam satu pemerintahan yang dikenali sebagai Anglo-Mesir. Di Istanbul, daulah dikuasai oleh CUP (*Committee of Union and Progress*) setelah Revolusi Turki Muda 1909 yang mengehadkan kuasa sultan, mengheret 'Uthmaniyyah ke kancan Perang Dunia

Pertama (1914-18M). Kesan daripada kekalahan dalam perang tersebut, wilayah 'Uthmaniyyah mengecil dan Istanbul dikuasai oleh pasukan Kuasa Bersekutu (Abbas 2002).

#### MISI SOMALIA 1993 (UNOSOM II)

Kemenangan Mustafa Kemal dalam Perang Kemerdekaan Turki (1919-23M) setelah mengusir pasukan Kuasa Bersekutu, menjadikan beliau sebagai pahlawan bangsa Turki. Pada 1923M, Perhimpunan Agung Nasional Turki telah menghapuskan jawatan sultan dan khalifah pada 1924M, membawa kepada pembentukan Republik Turki (Abbas 2002). Ketika era Republik, hubungan Turki dengan wilayah Afrika berkurang secara drastik akibat dasar *peace at home, peace at world* Mustafa Kemal. Pada 1926M, kedutaan pertama Turki dibuka di Addis Ababa. Tamatnya Perang Dunia Kedua pada 1945M, Turki menjadi salah sebuah negara pengasas Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Pada 1955M berlaku dua peristiwa iaitu Krisis Suez dan tuntutan kemerdekaan Algeria. Tindakan Turki yang cenderung kepada British dan Perancis menjadikan hubungan dengan dunia Arab semakin keruh dan blok Afrika melihat Turki sebagai penyokong kolonialisasi. Keadaan ini juga menimbulkan kegelisahan penduduk Turki sendiri (Ipek 2017). Bagi memulihkan hubungan, Turki membuka Konsulat Jeneral di beberapa buah negara Afrika, Nigeria (1956M) dan Ghana (1957M). Pada 1958M, Turki menyokong dana PBB untuk pembangunan ekonomi di Sub-Sahara. Sepanjang dekad 60-an Turki menjadi penyokong kuat kemerdekaan negara-negara Afrika (Ipek 2017). Ipek (2017) berkata, peningkatan sentimen anti-Amerika di dalam negara, punca Turki mencari sekutu yang baru. Pertemuan dengan Maharaja Ethiopia pada 1967M, membawa kepada perancangan projek bersama dengan Kementerian Luar. Walau bagaimanapun, perancangan itu tergendala setelah kerajaan junta pro-Kemal mengambil alih pemerintahan melalui Kudeta 1971. Ketika era huru hara sepanjang dekad 1970-an, menyaksikan ribuan terbunuh akibat gerakan pemisah Kurdis, pengganas, kartel dadah serta pertembungan dengan gelombang komunisme yang melanda negara membawa kepada Kudeta 1980. Keupayaan ekonomi negara pada dekad 1980-an berjaya dipulihkan oleh kerajaan junta dengan bantuan Turgut Ozal. Liberalisasi ekonomi yang diperkenalkan Ozal memberi manfaat yang besar kepada rakyat Turki seluruhnya, dengan

peningkatan kadar GDP serta pengelolaan kutipan cukai yang sistematik. Dengan itu, bangsa Turki semakin bertambah makmur dalam ekonomi, sosial maupun pendidikan berbanding dengan negara Islam sekitarnya. Turki juga berpengalaman ketika dalam pengurusan misi kemanusiaan setelah konflik dalam yang panjang lantas berupaya menghulurkan bantuan kepada negara lain yang mengalami nasib yang sama (Oktem 2011, Bayer & Keyman 2012).

Ozal dilantik menjadi Perdana Menteri Turki antara 1983-93M memberi nafas baru kepada dasar luar Republik Turki yang terumbang-ambing selama berdekad-dekad. Pendekatan dasar luar Ozal dikenali sebagai *neo-Ottomanism* (Laciner 2009). Setelah proses penganggotaan Komuniti Eropah diteruskan semula oleh Ozal, beberapa pertubuhan hak asasi kemanusiaan ditubuhkan. Mengambil peluang keruntuhannya Kesatuan Soviet pada 1989M, Ozal menghalakan dasar luarnya ke wilayah Kaukasus dan Asia Tengah yang dihuni oleh bangsa Turki. Agensi TIKA ditubuhkan bagi membantu pembangunan di wilayah Turki setelah merdeka daripada Kesatuan Soviet (Oktem 2011). Peranan TIKA kemudian dimanfaatkan sebaik mungkin dalam dasar luar AKP di timur laut Afrika. Pada 1993M tentera Turki menyertai operasi *United Nation Operation in Somalia II* (UNOSOM II). Peranan Turki dalam NATO setelah Perang Dingin tamat dikembangkan sebagai sayap tentera pengamanan PBB. Walau bagaimanapun, misi pengamanan tersebut dihentikan setelah peristiwa *Black Hawk Down*. Beberapa pegawai keamanan termasuklah seorang tentera Malaysia terbunuh. Setelah itu, PBB menarik balik kesemua pasukan pengamannya daripada bumi Somalia termasuklah pasukan Turki (UNOSOM: UN Confidential Report 2015).

#### PLAN TINDAKAN AFRIKA 1998

Plan Tindakan Afrika 1998 ini menghimpunkan delegasi daripada pelbagai kementerian, agensi dan juga sektor awam. Perhimpunan kumpulan tersebut menggariskan beberapa perkara penting sebagai asas Plan Tindakan Afrika 1998. Delegasi mendesak agar dibuka semula kedutaan Turki di Afrika setelah beberapa daripadanya ditutup akibat krisis ekonomi dan keselamatan. Selain itu, delegasi mencadangkan lawatan di peringkat rasmi oleh para pegawai birokrasi kedua-dua negara. Lawatan silang parlimen juga diutarakan bagi memudahkan bentuk kerjasama dan persefahaman dalam organisasi

antarabangsa seperti PBB dan AU (Ozkan & Akgun 2010). Plan ini juga memprioritikan perjanjian-perjanjian perdagangan serta bantuan kewangan terhadap Afrika. Tambahan pula, kedudukan Turki sebagai ahli Bank Pembangunan Afrika serta Bank Eksport dan Import Afrika perlu diperkuatkan. Belajar daripada sejarah yang lepas, delegasi tidak mengabaikan sektor pendidikan dan kebudayaan. Kegagalan politik dasar luar Turki pada dekad-dekad sebelum itu berfaktorkan kurangnya pengetahuan Turki ke atas Afrika. Program yang dicadangkan adalah pertukaran pelajar, program jalinan antara universiti, pemberian biasiswa, menge tahankan cendiakawan-cendiakawan Afrika di seminar dan forum ilmiah tempatan, serta membuka Institut Kajian Afrika untuk akses awam (Ozkan & Akgun 2010). Dalam bidang pertahanan dan keselamatan pula, beberapa idea dibawa agar diadakan kerjasama antara pasukan tentera Turki dengan Afrika dalam bentuk latihan ketenteraan, mengirim pasukan Turki ke dalam pasukan pengaman PBB serta melatih pasukan keselamatan tempatan. Plan Tindakan Afrika 1998 ini tidak dapat dijalankan sepenuhnya kerana pergolakan politik dalam lebih-lebih lagi konflik kerajaan campuran (gabungan 3 parti) serta krisis ekonomi Turki sepanjang tahun 2000 hingga 2001, sehingga kemunculan kerajaan pimpinan AKP yang menguasai parlimen dengan majoriti mudah (Ozkan & Akgun 2010). Manakala Ipek (2017) pula berpendapat, Plan Tindakan 1998 memberi perubahan yang ketara terutama terhadap kesedaran masyarakat Turki mengenai keadaan di Afrika. Sejak perjanjian kerjasama ekonomi dan teknikal (TET) yang termeterai dengan beberapa buah negara timur laut Afrika seperti Ethiopia dan Sudan. Banyak syarikat tempatan dari Turki seperti Perbadanan Tekstil Ayka membuat pelaburan di rantau tersebut. Ini memberi kesan ekonomi yang baik di negara-negara Afrika yang terlibat.

Dalam sesi temubual dengan Ketua Majlis Hubungan Ekonomi Asing Turki, pertambahan komposisi penduduk dan juga perbandaran di Afrika bererti peningkatan terhadap permintaan dalam sektor pertanian. Justeru itu, ini bakal merancakkan sektor perindustrian, membawa kepada permintaan keperluan dan sumber alam yang mendadak, seterusnya membangunkan ekonomi negara (Ipek 2017). Plan Tindakan 1998 menurut Ipek (2017) lagi, telah mencapai objektif utamanya iaitu pendekatan diplomatik, pendekatan politik, pembangunan ekonomi serta perkongsian kebudayaan di wilayah Afrika setelah sedekad dilancarkan. Dekad-dekad awal fasa kedua yang dipelopori oleh Mehmed

Ali Pasha tidak dapat dipertahankan oleh Khedive Mesir setelah gagal menghadapi gelombang kolonialisasi Barat. Hal ini kerana, walaupun mempunyai keupayaan ketenteraan yang canggih namun pemerintah Mesir tidak menguasai teknik diplomasi dan memilih teknik penguasaan langsung membawa kepada ketidakstabilan di wilayah timur laut Afrika yang dikuasainya. British dan Itali sentiasa menunggu peluang bagi menjajah Mesir dan wilayahnya. Akibat keruntuhan daulah ‘Uthmaniyyah, bangsa Turki tidak lagi menguasai timur laut Afrika. Beberapa usaha perintis oleh kerajaan Republik Turki pada fasa kedua seperti pembukaan kedutaan dan konsul serta jaringan perdagangan, memberi platform kepada kemunculan fasa ketiga. Penyertaan Turki ke dalam NATO dan proses keanggotaan Komuniti Eropah, membawa masuk demokrasi dan kesedaran hak asasi terhadap bangsa Turki.

### FASA ORGANISASI TERSUSUN

Fasa ketiga ini bermula pada 2005M setelah kerajaan Turki pimpinan AKP melancarkan Tahun Afrika. Usaha ini sudah dipelopori oleh kerajaan sebelumnya melalui Plan Tindakan Afrika 1998. Plan tersebut sangat komprehensif merangkumi semua aspek (Kucuk 2015). Sejak dekad 1980-an lagi, pembaharuan yang berlaku di dalam negara menyediakan AKP sebuah ruang yang cukup bagi beraksi terutama dalam kekuatan ekonomi dan sosial serta keprihatinan rakyat terhadap isu kemanusian di bumi Afrika (Ahmad Dzakirin 2012). Fasa ketiga ini menyaksikan bukan sahaja mobilasi daripada pihak kerajaan semata-mata, bahkan turut disertai oleh kesatuan hak asasi dan kesatuan perniagaan.

### LANGKAH DIPLOMASI

Turki adalah negara penyumbang baru setelah era kolonialisasi berakhir sama seperti Brazil, China dan India. Menurut Kucuk (2015), tidak banyak pendekatan diplomasi yang inovatif daripada Turki seperti pembukaan lebih banyak kedutaan. Setelah minat negara Eropah terhadap Afrika berkurang, langkah tersebut mampu memberi kesan jangka panjang yang baik kepada Turki. Begitu juga dengan penganjuran persidangan sidang kemuncak antara negara penyumbang dengan negara Afrika. Perancis mendahului sejak 1970-an lagi, diikuti Jepun (1993M), China (2000M) dan

Turki pada 2006M iaitu Perhimpunan Persidangan Turki-Afrika anjuran TASAM. Tahun Afrika 2005 dilancarkan dalam persidangan ini (Mohammed 2016). Shinn (2015b) dan Ipek (2017) berkeyakinan bahawa objektif Turki di Afrika adalah ekonomi. Tetapi Kucuk (2015) berpendapat sebaliknya. Beliau memberi statistik Bank Dunia, sehingga 2013M peratus kuantiti perdagangan Turki dengan negara Afrika jauh ketinggalan berbanding negara penyumbang baru yang lain iaitu hanya 1%. Begitu juga dalam pelaburan asing di Afrika. Di kalangan negara penyumbang baru, Turki berada dalam kedudukan terbawah, bahkan tidak tersenarai dalam 15 buah negara pelabur asing utama di Afrika antara 2003M hingga 2011M. Ekoran daripada beberapa perbandingan tersebut, Kucuk (2015) mengatakan pendekatan inovasi Turki adalah dalam pembangunan sosial. Mengikut data bantuan pembangunan rasmi (*Official Development Assistance – ODA*) yang disalurkan kerajaan, peratus sumbangan Turki bertambah daripada 0.4% pada tahun 2000 kepada 4.7% pada 2013M. Walaupun jumlah tersebut hanya 1/8 daripada jumlah bantuan United Kingdom, 1/10 jumlah Jepun malah lebih rendah berbanding Korea Selatan, namun impak bantuan Turki lebih dirasai oleh penduduk tempatan dan dilihat tidak mengambil kesempatan. Penjelasannya ialah, bantuan Turki adalah lebih cepat dan diedarkan secara efektif. Kedua, bantuan tersebut dihulurkan dalam bentuk geran yang tidak bersyarat dan terus ke akar umbi melalui projek-projek yang membawa hasil segera (Kucuk 2015). Pemimpin AKP seperti Recep Tayyip Erdogan dan Abdullah Gul adalah pemimpin politik Turki yang banyak melawat negara-negara Afrika. Malahan Recep Tayyip Erdogan mempunyai hubungan yang baik dengan pemimpin Sudan dan Ethiopia. Abdullah Gul pula rapat dengan Gerakan Hizmet, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif di Afrika. Gerakan yang dipimpin oleh tokoh spiritual Turki, Fethullah Gulen, memiliki sejumlah sekolah di benua berkenaan dan sering dilawati oleh Abdullah Gul dalam setiap kali lawatan rasminya ke wilayah Afrika (Shinn 2015a).

### AGENSI KERAJAAN

Projek-projek pembangunan diuruskan oleh sebuah agensi kerajaan iaitu TIKA (*Turk Isbirligi ve Koordinasyon Ajansi Baskanligi*). TIKA mempunyai pengalaman yang luas sejak 2000-an membantu memulihkan infrastruktur pembangunan di wilayah Asia Tengah dan Balkan. Pada 2005M, TIKA

membuka ibu pejabat pertama di Addis Ababa, kemudian di Khartoum dan Dakar. Hari ini terdapat lebih 37 buah pejabat di seluruh Afrika. Objektif utama TIKA adalah, pembangunan sosial, kerjasama kebudayaan dan komunikasi, membantu sektor penghasilan, infrastruktur ekonomi serta sebagai pasukan sokongan kepada krisis kemanusiaan. Di bawah Program Pembangunan Pertanian Afrika sahaja, TIKA aktif di lebih daripada 13 buah negara (Ozkan & Akgun 2010). Lapangan terbang serta pelabuhan antarabangsa Somalia di Mogadishu dipulihkan oleh TIKA setelah kerosakan yang besar ketika kemelut politik 1990-an. TIKA juga menyalurkan bantuan ke sektor kesihatan, dengan pembinaan Hospital Recep Tayyip Erdogan di Somalia pada 2013M, menganjurkan latihan perubatan serta latihan pengurusan di Hospital Nyala (Sudan) dan Hospital Mogadishu (Somalia) pada 2015M (Turkish Development Assistance Report 2015). Akibat dorongan perdagangan yang semakin meningkat serta kebanjiran pergerakan organisasi kemanusiaan yang keluar masuk di Afrika, kerajaan Turki membuka laluan baru *Turkish Airlines* di sana. *Turkish Airlines* menjadi penerbangan antarabangsa terbesar di benua tersebut. Sehingga hari ini, terdapat lebih 40 buah destinasi seluruh Afrika yang dilalui oleh *Turkish Airlines* termasuklah Mogadishu yang masih lagi berada dalam keadaan darurat. *Turkish Airlines* malahan memberi kesan ekonomi kepada Afrika seperti Rwanda dan Nigeria (Mohammed 2016). Selain itu juga, Turki memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor agama Islam di Afrika dengan perantaraan agensi kerajaan seperti Diyanet. Diyanet menganjur beberapa buah acara menghimpunan pemimpin agama daripada Afrika pada 2006M dan 2011M. Diyanet juga bertanggungjawab membangunkan masjid dengan seni bina Uthmaniyyah serta institusi pendidikan. Melalui Diyanet, kerajaan Turki menawarkan biasiswa pelajaran di peringkat menengah dan universiti bagi melatih lebih ramai agamawan secara profesional. Kurikulum yang diperkenalkan merupakan sintesis antara ilmu keduniaan dan keagamaan (Ozkan & Akgun 2010).

#### NGO KEMANUSIAAN – IHH

IHH (*Insan Hak ve Hurriyetleri ve Insani Yardim Vakfi*) adalah badan NGO pertama yang terjun dalam misi kemanusiaan di Afrika pada 1996M, iaitu dalam misi kemanusiaan di Somalia. IHH mempunyai 256 buah projek yang aktif di 32 buah negara-negara

Afrika. Sehingga 2008M sahaja, IHH menyumbang 1000 buah telaga dalam misi mereka membekalkan air bersih kepada penduduk di Afrika, 36 daripadanya adalah di Somalia yang pembinaannya disokong oleh Bank Pembangunan Islam. Selain itu juga, IHH menawarkan perkhidmatan kesihatan serta melancarkan operasi pembedahan katarak mata di 14 buah negara Afrika termasuklah Sudan, Ethiopia dan Somalia. Lebih 100 000 operasi berjaya dilakukan sejak operasi ini dilancarkan pada 2007M melalui hospital bergerak. Tidak ketinggalan, IHH juga bekerjasama dengan NGO serta doktor-doktor tempatan (Cataract 2016, IHH Humanitarian Relief Foundation 2017 Annual Report 2018). Dalam usaha memperbaiki kadar sosial tempatan, IHH menaungi lebih 5000 orang anak yatim terutama di Somalia yang dikelola di bawah Sistem Tajaan Anak-anak Yatim. Keperluan anak-anak yatim seperti perubatan, pendidikan, terapi psikologi antara yang diuruskan oleh IHH. IHH juga membiayai kewangan tahunan Universiti Zamzam di Somalia dan membuka 19 buah masjid di Afrika yang tiga buah di antaranya terletak di Sudan. IHH juga membantu mengedarkan ribuan naskah al-Quran serta buku-buku agama yang diterbit dalam bahasa Amharic, Inggeris dan Perancis (IHH Humanitarian Relief Foundation 2017 Annual Report 2018). Pendekatan serta keupayaan IHH tersebut turut disokong oleh kerajaan Turki. Pada 2010M, Turki bersama-sama Mesir mempengerusikan perhimpunan peringkat antarabangsa anjuran OIC yang memfokuskan projek kemanusiaan di Darfur, Sudan. Setelah Qatar, Turki menjadi penyumbang terbesar iaitu 65 hingga 70 milion dolar terhadap bantuan kemanusiaan di sana (Shinn 2015b).

#### KESATUAN PERNIAGAAN – TUSKON

*Turkiye Isadamlari ve Sanayiciler Konfederasyonu* atau TUSKON ditubuhkan pada 2005M setelah menghimpunkan 7 kesatuan dagang serta 151 syarikat dengan hampir 14 000 buah rangkaian perniagaan. Objektif utama TUSKON adalah bagi membantu Perusahaan-perusahaan Bersaiz Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan dan membuka peluang untuk ke pasaran antarabangsa terutamanya Afrika. Sebahagian besar usaha TUSKON di Afrika membentuk imej yang baik kepada kerajaan Turki. Sehingga 2016M, TUSKON menganjurkan lebih 200 program perniagaan dan pelaburan di dalam dan luar negara. Melalui peranan yang dimainkan TUSKON tersebut, pelbagai lapisan usahawan dapat

dipertemukan serta membina jaringan perniagaan yang lebih luas. TUSKON membantu usaha diplomasi dengan kerajaan tempatan. Melalui pertemuan perniagaan yang dianjurkan oleh TUSKON, ianya membantu membina imej syarikat-syarikat daripada Turki bersaing dengan syarikat daripada luar (Shinn 2015a). TUSKON juga mendanai rangkaian sekolah Gulen yang diuruskan oleh Gerakan Hizmet dengan hampir 60 buah sekolah di 30 negara Afrika, menjadikannya rangkaian sekolah terbesar di benua tersebut (Ozkan & Akgun 2010). Di beberapa buah negara, pihak pentadbir serta tenaga pengajar rangkaian sekolah terbabit membuka peluang kepada hubungan diplomasi antara kerajaan tempatan Afrika dengan kerajaan Turki. Selain itu, mereka mampu mengecilkan lagi halangan bahasa dan maklumat antara kedua buah kerajaan kerana keupayaan serta pengalaman mereka yang diperolehi sepanjang tinggal di sana (Turker & Konaklı 2016). Enam buah sekolah rangkaian Gulen beroperasi di Ethiopia dan tiga buah di Mesir serta Sudan (Shinn 2015a). Pada 2014M, Pengurus TUSKON telah ditahan oleh pihak berkuasa Turki setelah membuat ucapan yang mencabar perlombaan negara. TUSKON tidak lama kemudian dibubarkan atas arahan mahkamah Turki dan para pemilik saham di dalamnya dihakimi dalam sejarah perbicaraan yang terkenal iaitu Perbicaraan TUSKON. Setelah Kudeta Julai 2016 digagalkan, Gerakan Hizmet pula diharamkan oleh kerajaan dan lebih ramai bekas ahli TUSKON ditahan (Daily Sabah 18 Jan 2014, Anadolu Agency 10 Ogos 2016).

## KESIMPULAN

Penguasaan wilayah timur laut Afrika secara langsung pada fasa pertama mampu memberi kekayaan terhadap ekonomi ‘Uthmaniyah, namun kos yang tinggi perlu dikeluarkan terutama dalam ketenteraan serta pertahanan akibat kebangkitan dan perlawanan penduduk tempatan. Selain itu, kedudukan yang jauh daripada Istanbul menjadikan pemerintahan di wilayah berkenaan lebih longgar dan terbuka kepada penyelewengan kuasa. Di tambah lagi dengan kelicikan musuh-musuh ‘Uthmaniyah mencari peluang melakukan kerosakan serta mensabotaj usaha-usaha pembangunan yang dilakukan. Pada fasa kedua, bangsa Turki mempelajari bahawa bagi mengukuhkan kedudukan di timur laut Afrika, memahami konteks budaya serta asimilasi secara perlahan-lahan yang tersusun mampu membantu dasar perluasan yang dijalankan. Walau bagaimanapun, dengan perseteruan terhadap

kerajaan pusat di Istanbul serta meremehkan kedudukan kuasa-kuasa serantau seperti British dan Ethiopia, kerajaan Mesir pimpinan Khedive akhirnya melemah dan dikuasai kuasa luar. Meskipun Turki mempunyai hubungan sejarah yang panjang dengan wilayah timur laut Afrika iaitu sejak abad ke-16M lagi, perubahan politik pada abad ke-21M dan pasca kolonialisasi menjadikan hubungan antara kedua-dua kerajaan lebur. Kerajaan Turki telah berjaya membina pengaruh mereka di wilayah Semenanjung Somalia sejak pelancaran Tahun Afrika 2005, namun di wilayah timur laut Afrika, kerajaan Turki masih mencari rentak. Ketidakstabilan kerajaan serta isu kemanusiaan di Somalia memberi peluang kepada kerajaan Turki bagi melibatkan diri terutama sebagai perunding keamanan dan wakil PBB, rakan kongsi serta pelabur pembangunan ekonomi dan sosial. Manakala kerumitan dan sejarah moden yang kompleks di timur laut Afrika terutama antara Turki-Mesir, Ethiopia-Eritrea, Sudan-Sudan Selatan, Ethiopia-Somalia memberi cabaran kepada kerajaan Turki menempatkan dirinya tanpa menggugat kedamaian serantau. Melalui pendekatan sosial dan ekonomi, Turki tidak dilihat oleh penduduk tempatan mahu mencabar kedaulatan serta mengeksplorasi mereka. Melalui fasa-fasa yang panjang sepanjang hubungan dengan timur laut Afrika, Turki mempunyai pengalaman dan maklumat bagi menyusun dasar luarnya di rantau berkenaan. Ini dapat dilihat setelah kerajaan Sudan bersetuju memberi pajakan Suakin kepada Turki bagi dibangunkan sebagai hub pelancongan utama di Laut Merah. Sebelum itu lagi, hubungan antara Turki dan Sudan sudah rapat melalui sokongan dana dan misi kemanusiaan di Darfur. Oleh itu, pada fasa ketiga dalam dasar luar Turki di timur laut Afrika ini adalah hasil kematangan bangsa Turki setelah melalui dua fasa sebelumnya.

## RUJUKAN

- Abbas, Eeman Mohamed. 2002. *Sultan 'Abd Al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah: Peranan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Ahmad Dzakirin. 2012. *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihanraya Umum*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd.
- Alexander, J. 2009. Ottoman frontier policies in North-East Africa, 1517-1914. Dlm. *The Ottoman Empire and its Frontiers*, disunting oleh Peacock, A.C.S. London: Proceedings of the British Academy.

- Arkib Negara Malaysia. 2015. UNOSOM: UN Confidential Report. Abdul Latif bin Ahmad, Col. MAL 001 from 19 June 1993 to 5 January 1994. 2015/0011369.
- Bayer, R. & Keyman, E. F. 2012. Turkey: An emerging hub of globalization and internationalist humanitarian actor? *Globalizations* 9(1): 73-90
- Blackburn, J.R. 1995. Two documents on the division of Ottoman Yemen into Two Beglerbegiliks (973/1565). *Turcica* 27(1): 223-236
- Casale, G. 2006. The Ottoman administration of the spice trade in the sixteenth-century Red Sea and Persian Gulf. *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 49(2): 170-198.
- Casale, G. 2010. *The Ottoman Age of Exploration*. London: Oxford University Press.
- Cataract. 2016. Dimuat naik pada 8 November 2016 di pautan ([www.ihh.org.tr/](http://www.ihh.org.tr/))
- Daily Sabah. 2014. Gulenist Confederation of Businessmen Falls Apart, 18 Jan 2014. <https://www.dailysabah.com/business/2014/01/18/gulenist-confederation-of-businessmen-falls-apart>.
- Elfadol, A. A. H. & Semerci, A. Sudan says Deal with Turkey Not Threat to Arab Nations. *Anadolu Agency*, 28 Disember 2017. <https://www.aa.com.tr/en/africa/sudan-says-deal-with-turkey-not-threat-to-arab-nations/1016769>.
- Farouqi, Suraiya. 1999. *Approaching Ottoman history: An Introduction to the Sources*. London: Cambridge University Press.
- Hartmann, R. 2013. *International Encyclopedia of World's Famous Muslims*. Jil. 6. New York: Impact Publishing Group Inc.
- Hussein, A. & Coskun, O., "Turkey Opens Military Base in Mogadishu to Train Somali Soldiers." *Reuters*, 30 Sept 2017. (<https://www.reuters.com/article/us-somalia-turkey-military/turkey-opens-military-base-in-mogadishu-to-train-somali-soldiers-idUSKCN1C50JH>).
- Ibrahim, H. 1998. The Egyptian Empire 1805-1885. Dlm. M. Daly (pnyt.). *Cambridge History of Egypt Modern Egypt From 1517 to the End of the Twentieth Century*, hlm. 198-216. Jil. 2. London: Cambridge University Press.
- IHH Humanitarian Relief Foundation 2017 Annual Report. 2018. Dimuat naik pada 16 Mei 2018 di pautan (<https://www.ihh.org.tr/public/publish/0/118/ihh-annual-report-2017.pdf>).
- Insel, A. 2013. Becoming a World Economic Power: The Neo-Nationalism of the AKP. *Turkey between Nationalism and Globalization* 1(11): 187-198.
- Ipek, V. 2017. Turkey's foreign policy towards Sub-Saharan Africa. *Turkish Foreign Policy* 1(11): 217-235
- Jedrej, M.C. 2000. Ingessana and the legacy of the Funj Sultanate: The consequences of Turkish conquest on the Blue Nile. *Africa* 70(2): 278-297.
- Kucuk, Y.K. 2015. Ten Years of Turkish Engagement with Africa: Discourse, Implementation and Perception in Somalia. Tesis Ma. University of Oxford.
- Laciner, Sedat. 2009. Turgut Dzal Period in Turkish Foreign Policy: Dzalism. Dlm. *USAK Yearbook of Politics and International Relations*, hlm. 153-205, Jil. 2.
- M. Fauzan R. & Ermy A.R. 2018. Hubungan 'Uthmaniyyah dengan Komuniti Muslim Timur Laut Afrika. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 18(1): 168-181.
- Menage, V. L. 1988. The Ottomans and Nubia in the Sixteenth Century. *Annales Islamologiques* 24(1): 137-153.
- Mohammed, U. 2016. A Review of Turkey's economic progress in sub-saharan Africa. Dlm. *Handbook of Research on Chaos and Complexity Theory in the Social Sciences*, disunting oleh Ercetin, S.S. & Bagci, H., 310-323. New York: IGI Global.
- Oktem, K. 2011. *Angry Nation, Turkey since 1989: Global History of the Present*. New York: Zet Books Ltd.
- Ozbaran, S. 2013. Ottoman Expansion in the Red Sea. Dlm. *The Cambridge History of Turkey The Ottoman Empire as a World Power 1453-1603*, disunting oleh Faroqhi, S.N. & Fleet, K., 173-202. Jil 2. London: Cambridge University Press.
- Ozkan, M. & Akgun, B. 2010. Turkey's Opening to Africa. *The Journal of Modern African Studies* 48(4): 525-546.
- Palmira, Brummet. 1994. *Ottoman Sea Power and Laventine Diplomacy in the Age of Discovery*. Albany: State University of New York Press.
- Peacock, A.C.S. 2012. The Ottomans and the Funj Sultanate in the Sixteenth and Seventeenth Centuries. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies* 75(1): 87-111
- Shinn, D.H. 2015a. *Hizmet in Africa: The Activitis and Significant of the Gulen Movement*. CA: Tsehai Publishers & Distributors.
- Shinn, D.H. 2015b. *Turkey's Engagement in Sub-Saharan Africa: Shifting Alliances and Strategic Diversification*. Kertas Kerja African Programme. London: Chatham House the Royal Institute of International Affairs
- Smith, S. Hadfield, A. & Dunne, T., sunt. 2008. *Foreign Policy: Theories, Actors & Cases*. New York: Oxford University Press.
- Trimingham, J.S. 1952. *Islam in Ethiopia*. Edisi ke-3: 1976. London & New York: Routledge
- Turk Isbirligi ve Koordinasyon Ajansi Baskanligi TIKA. 2016. Turkish Development Assistance Report 2015. (<http://www.tika.gov.tr/upload/2017/YAYINLAR/TKYR%202015%20ENG/KALKINMA%20.pdf>).
- Turker, M. & Konakli, Z. 2016. Influence of nongovernmental organizations on forming country image and developing the country brand using public diplomacy. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 6(1): 221-235

Muhammad Fauzan bin Rosli  
Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
[p90067@iswa.ukm.edu.com](mailto:p90067@iswa.ukm.edu.com)

Ermy Azziaty Rozali  
Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
[ermy@ukm.edu.my](mailto:ermy@ukm.edu.my)